
ANGKA GILIRAN: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2015/2016

Disember 2015/Januari 2016

HMT 503 – TEORI DAN KAEDAH PENYELIDIKAN LINGUISTIK

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Jawab **EMPAT** soalan. Soalan di Bahagian A ialah soalan **WAJIB** dijawab. Jawab **DUA** soalan daripada Bahagian B.
2. Jawab Soalan No. 1 dan Soalan No. 2 di Bahagian A di atas kertas soalan ini. Soalan lain jawab di atas skrip jawapan. Kembalikan kertas soalan yang mengandungi jawapan Soalan 1 dan 2 bersama dengan skrip jawapan selepas selesai peperiksaan.
3. Tulis nombor 1 hingga 7 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

ANGKA GILIRAN: _____

[HMT 503]

- 2 -

Bahagian A: Soalan WAJIB dijawab.

1. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, huraikan secara ringkas perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam perancangan sesuatu kajian berbentuk kuantitatif.

[5 markah]

2. Jawab soalan [a] hingga [f] berdasarkan data dalam **Jadual 1**. Data dalam **Jadual 1** diperoleh daripada SATU kajian bertajuk 'Penguraian Morfologi dalam Negleksia.' Kajian ini meneliti sama ada dan bagaimana struktur morfologi perkataan bertulis memberi kesan ke atas pembacaan bagi individu yang mengalami disleksia pengabaian berasaskan perkataan (negleksia), dan perkara yang boleh dipelajari mengenai penguraian morfologi dalam pembacaan berdasarkan kesan morfologi pada negleksia. TUJUH individu dengan negleksia dan TUJUH individu normal yang tidak mengalami kecelaruan bahasa telah dipilih secara rawak atau rambang. Perbandingan antara kumpulan dilaksanakan berdasarkan pembacaan senarai perkataan tunggal yang berakhir atau bermula dengan fleksi derivasi atau imbuhan tanpa had masa.

Jadual 1
Pembacaan senarai perkataan tunggal yang berakhir atau bermula dengan fleksi derivasi atau imbuhan dalam kalangan individu negleksia dan individu normal (peratusan respons yang betul)

Individu dengan Negleksia	Individu Normal
% Betul	% Betul
26	100
31	95
57	100
23	90
15	98
17	100
26	100

[a] Jawab soalan [i], [ii] dan [iii].

[i] Lukiskan poligon kekerapan atau lukisan garisan.

[ii] Laksanakan SATU pemerian atau huraian statistik bagi data-data tersebut.

[iii] Interpretasikan [i] dan [ii].

[10 markah]

ANGKA GILIRAN: _____

[HMT 503]

- 4 -

... 5/-

[b] Isikan ruangan di bawah untuk kajian ini:

Hipotesis penyelidikan _____

Tahap signifikan _____

1 – atau – 2 - tailed _____

Klasifikasi reka bentuk penyelidikan _____

Lukis reka bentuk berpetak untuk kajian ini

ANGKA GILIRAN: _____

[HMT 503]

- 6 -

Variabel pautan _____

Pengukuran _____

Variabel bebas _____

Pengukuran _____

Pengukuran bebas atau berulang kali _____

Fitur lain _____

Prosedur statistik _____

[15 markah]

[c] Lukis kerangka kerja konseptual untuk kajian ini.

[5 markah]

... 7/-

- [d] Laksanakan satu **ANOVA** bagi data tersebut. Bolehkah anda menolak hipotesis nol (H_0)?

[5 markah]

- [e] Hitungkan dan interpretasikan kekuatan hubungan / kaitan variabel bebas (omega squared - ω^2) bagi nisbah F signifikan.

$\omega^2 =$ _____


[5 markah]

- [f] Apakah kesimpulan yang dapat anda buat berdasarkan hasil kajian ini?

[5 markah]

... 8/-

3. Jawab soalan [a] dan [b] dengan menggunakan **Rajah 1**.



- [a] Huraikan semua komponen dalam sesebuah cadangan kajian ilmiah yang terdapat dalam **Rajah 1**.

[10 markah]

- [b] Sediakan SATU tajuk cadangan kajian dan terapkan semua komponen dalam **Rajah 1** untuk menghuraikan cadangan kajian berkenaan secara ringkas. Anda bebas memilih mana-mana SATU bidang, sama ada linguistik tulen (contohnya fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis atau semantik) atau sokongan (sosiolinguistik, psikolinguistik, pragmatik atau linguistik sejarah) dalam menyediakan cadangan kajian ini.

[20 markah]

Bahagian B: Jawab DUA soalan.

4. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Jelaskan maksud teori dan hipotesis. [4 markah]

[b] Dengan menggunakan lakaran yang sesuai, bezakan antara kerangka konseptual dengan kerangka teoretis. [6 markah]

5. Hujahkan DUA pernyataan yang berikut dengan alasan yang sesuai.

[a] Metodologi berpandukan sebab-sebab kajian dilaksanakan. [5 markah]

[b] Reka bentuk kajian kualitatif bersifat induktif manakala kajian kuantitatif bersifat deduktif. [5 markah]

[c] Kaedah kualitatif berbeza dengan kaedah kuantitatif. [5 markah]

[d] Kajian lapangan mempunyai kelebihan berbanding dengan kajian kepustakaan. [5 markah]

6. Bandingkan dan bezakan penyelidikan lapangan hulu dan hiliran dari aspek tumpuan, tujuan, pengumpulan data dan tempat penyelidikan.

[10 markah]

7. Kemukakan LIMA aktiviti yang boleh dianggap plagiat dalam sesebuah hasil penulisan kajian ilmiah. Ulaskan aktiviti-aktiviti ini dengan cara mengaitkannya dengan konsep etika dalam kajian ilmiah.

[10 markah]